



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)

Tingkat 1, 4 - 6, 10, 15 - 18, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu, Sabah.

Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541

Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh



Rujukan: KKT&P: 100-4/22 (128)

Tarikh : 01 AUG 2023

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau

Pegawai Eksekutif
Lembaga Bandaran Kudat

Semua Pegawai Eksekutif
Majlis Daerah Seluruh Sabah

Tuan/Puan,

**DASAR SEPULUH PERATUS PENGAMBILAN GOLONGAN MISKIN TEGAR
SEBAGAI PEKERJA SAMBILAN HARIAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM PIHAK
BERKUASA TEMPATAN**

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa, dasar ini dilaksanakan selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi keupayaan modal insan dalam kalangan penduduk di Negeri Sabah, khususnya bagi golongan miskin tegar bagi merealisasikan konsep Malaysia Madani.

3. Bagi maksud dasar ini, golongan miskin tegar merujuk kepada individu yang telah memenuhi status miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), pendapatan per kapita isi rumah dan telah didaftarkan dalam sistem eKasih.

4. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menjelaskan Dasar sepuluh peratus pengambilan golongan miskin tegar sebagai Pekerja Sambilan Harian dalam Perkhidmatan Awam Pihak Berkuasa Tempatan.

- (i) Menetapkan bahawa setiap agensi hendaklah memastikan pengambilan golongan miskin tegar dibuat sekurang-kurangnya **sepuluh peratus** daripada jumlah kuota Pekerja Sambilan Harian;
- (ii) Calon hendaklah Ketua Isi Rumah atau tanggungan Ketua Isi Rumah yang telah didaftarkan dalam senarai sistem pangkalan data keluarga miskin;

...2/-

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : KKT&P: 100-4/22(178)
Tarikh : 01 Ogos 2023
Perkara : DASAR SEPULUH PERATUS PENGAMBILAN GOLONGAN MISKIN TEGAR SEBAGAI PEKERJA SAMBILAN HARIAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM PIHAK BERKUASA TEMPATAN

- (iii) Pekerja Sambilan Harian yang dilantik hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia yang mana salah seorang ibu atau bapanya hendaklah berasal dari Sabah;
 - (iv) Hanya mengenakan syarat minimum sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan mana-mana satu mata pelajaran di peringkat SRP/ PMR/ PT3 dalam tapisan pengambilan.
 - (v) Walau apapun peruntukan perenggan (iv) di atas, pengecualian syarat Skim Perkhidmatan diberikan kepada Pekerja Sambilan Harian yang ditugaskan **di lapangan** seperti berikut:
 - a) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun;
 - b) Boleh membaca dan menulis;
 - c) Sihat tubuh badan;
 - d) Bebas daripada salah laku jenayah dan dadah; dan
 - e) Waras.
 - (vi) Prosedur pengambilan Pekerja Sambilan Harian kategori miskin tegar hendaklah dilaksanakan menggunakan pekeliling pengambilan Pekerja Sambilan Harian yang sedang berkuat kuasa.
 - (vii) Penetapan kadar upah gaji adalah menggunakan pekeliling yang sedang berkuat kuasa.
5. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.
6. Kerjasama Tuan/Puan dalam memastikan pelaksanaan dasar ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK JAMILI NAIS, PhD)
Setiausaha Tetap

“SABAH MAJU JAYA”